



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN EKONOMI**

**SESI LIBAT URUS (SLU) RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS
(RMK13) WILAYAH PERSEKUTUAN**

Antara gerak kerja penyediaan dokumen Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) adalah dengan mengadakan Sesi Libat Urus (SLU) di setiap negeri. RMK13 ini merupakan kesinambungan hala tuju perancangan bagi mencapai pembangunan dan matlamat Ekonomi MADANI kearah menstruktur semula ekonomi dan melonjakkan pertumbuhan ekonomi bagi menjadikan Malaysia peneraju ekonomi Asia serta pembangunan negara yang holistik.

Dalam hal ini, SLU RMK13 di peringkat Wilayah Persekutuan diadakan untuk mengenal pasti isu dan cabaran dalam pembangunan sosioekonomi. Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan input, maklum balas, dan aspirasi daripada semua pihak, bagi memastikan RMK13 bersifat inklusif dan mengambil kira pandangan dan keperluan perancangan pembangunan di peringkat Wilayah Persekutuan dipertimbangkan dalam dasar RMK13.

SLU ini melibatkan kumpulan perancang, kementerian, kerajaan negeri, pemain industri, pemimpin masyarakat, pemegang taruh, NGO, serta warga Wilayah Persekutuan untuk berkongsi pendapat, idea, dan cadangan mengenai pelbagai aspek pembangunan. Sesi ini adalah amat penting untuk merebut peluang bagi mempertingkatkan daya saing, memacu pertumbuhan mampan, dan memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih

bermutu. Orientasi dan pendekatan baharu dengan pelbagai reformasi yang lebih radikal diperlukan agar dapat memberi impak yang jelas dan signifikan.

Bagi memastikan RMK13 mencerminkan aspirasi semua rakyat Malaysia, Program '*Madani Mendengar*' telah diadakan untuk mengumpul input dan aspirasi yang lebih luas daripada semua pihak berkepentingan khususnya di Wilayah Persekutuan. Sesi ini diadakan untuk memastikan setiap orang mempunyai peluang untuk menyuarakan kebimbangan, pandangan dan juga cadangan mereka untuk membantu membentuk masa depan negara.

'*Madani Mendengar*' akan menjadi platform bagi membolehkan semua suara dapat didengar, membimbing proses reformasi dan memastikan penggubalan dasar selaras dengan keperluan sebenar rakyat.

Pandangan-pandangan ini juga boleh disampaikan melalui portal RMK13 yang baru sahaja dilancarkan di pautan <https://rmk13.ekonomi.gov.my> . RMK13 dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada 3 Julai 2025.

KEMENTERIAN EKONOMI
24 OKTOBER 2024